

BAB 4

ANALISIS STRUKTUR ORGANISASI WACANA BERITA

Dalam bab ini, akan dibincangkan dapanan analisis genre struktur wacana berita akhbar. Sebanyak 200 wacana berita politik daripada akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* telah dianalisis. Analisis struktural ini bertujuan untuk mengkaji struktur genre yang terdapat dalam wacana berita politik. Ini kerana genre akhbar terutamanya laporan berita dan rencana pengarang mempunyai satu ‘identiti generik’ yang boleh dikenal pasti dalam hampir kesemua jenis surat khabar (Bhatia, 1993).

Analisis struktural ini dimulakan dengan menentukan gerakan yang digunakan oleh wartawan untuk menulis laporan wacana berita politik dan seterusnya mengkaji fungsi yang dimainkan oleh gerakan tersebut dalam membentuk struktur wacana berkenaan.

Analisis ini juga cuba mengaplikasikan teori kewartawanan dari segi penulisan struktur berita untuk menentukan gerakan yang digunakan oleh wartawan dalam menulis laporan berita. Untuk tujuan kajian ini, penentuan unsur-unsur gerakan ini adalah berdasarkan kriteria yang diberikan oleh Newsom dan Wollert (1988) dalam buku kewartawanan mereka yang berjudul *Media Writing - Preparing Information for the Mass Media*.

Daripada perspektif kewartawanan, Newsom dan Wollert (1988: 120), menyatakan kebanyakan berita mempunyai unsur-unsur berikut:

1. pendulu berita (*the lead*)
2. fakta kedua dalam peralihan terikat (*secondary points in a tie-in transition*)
3. penghuraian lebih lanjut fakta utama (*elaboration on the main point*)
4. sokongan kepada pendulu berita (*support for the lead*)
- .. 5. latar belakang (*background*)
6. perkembangan idea utama (*development of the main idea*)
7. perincian (*details*)

Ringkasan penerangan kepada ketujuh-tujuh unsur di atas adalah seperti berikut :

Peranan pendulu berita dan fakta kedua. Pendulu berita memberikan intisari fakta utama tetapi tidak memberikan laporan yang lengkap. Jika terdapat fakta kedua yang utama, ia perlu diperkenalkan selepas sahaja pendulu berita.

Penghuraian lebih lanjut fakta utama. Penghuraian yang lebih lanjut terhadap pendulu berita perlu dilakukan.

Sokongan kepada pendulu berita. Pendulu berita menyatakan sesuatu berita dan laporan berita itu perlu membuktikan kesahihannya. Oleh itu adalah perlu memberikan bukti-bukti kukuh untuk menyokong fakta yang diberikan di bahagian pendulu berita.

Latar belakang. Sesuatu berita itu perlu diberikan latar belakang terhadap berita yang telah berlaku pada suatu masa dahulu kerana tidak semua pembaca berpeluang membaca berita itu sewaktu ia dilaporkan. Ini adalah penting supaya pembaca memahami perkara yang sedang dilaporkan.

Perkembangan idea utama. Pemberita mesti menjelaskan kepada pembaca apakah kesan sesuatu berita itu kepada ekonomi negara, penduduk, keadaan persekitaran dan sebagainya.

Perincian. Dalam laporan berita, perincian merupakan fakta subsidiari yang mempunyai hubungan dengan fakta utama. Peranannya ialah sebagai memperkembang pendulu berita. Di bahagian mana ia perlu diletakkan bergantung kepada kepentingannya. Perincian yang sangat penting boleh diletakkan sesudah pendulu berita. Perincian yang kurang penting boleh diletakkan sesudah perkembangan idea utama.

Penerangan lebih lanjut kepada tiap-tiap unsur di atas diberikan dalam Bahagian 4.1 iaitu apabila membicarakan tiap-tiap gerakan yang terdapat dalam bahagian organisasi teks berita.

Unsur-unsur di atas digambarkan oleh Newsom dan Wollert (1988) dalam rajah seperti berikut :

LEAD : Who What When Where Why How 16 to 25 words

TIE-IN : One sentence connecting one element of the lead to the body


BODY : Development of most important of the WWWW elements of lead

Second most important element of WWWW

Further development of most important element

Other elements

The least important facts of the story – nothing new introduced



Newsom dan Wollert (1988: 98)

Rajah 4.1 : Piramid Terbalik Tradisional

Hasil analisis terhadap korpus, pengkaji telah mencipta gerakan sendiri berdasarkan unsur-unsur yang perlu ada pada berita seperti yang telah dihurai dalam perenggan-perenggan di atas untuk membentuk struktur organisasi wacana berita akhbar. Pengkaji tidak dapat merujuk kajian lain yang berkaitan genre berita kerana kajian tersebut tidak menggunakan pendekatan Swales yang menjadi model analisis untuk kajian wacana berita ini. Kajian yang telah dilakukan misalnya oleh Gunesekera (1989) iaitu dalam menentukan struktur teks berita pendulu dan rencana pengarang akhbar adalah berdasarkan Model Analisis Strutural Berita van Dijk. Model ini adalah berdasarkan teori Struktur-Makro Semantik Global (Huraian lanjut struktur ini terdapat di bahagian 2.4).

Kajian yang dilakukan dengan menggunakan pendekatan Swales yang menjadi model kajian ini juga tidak menggunakan genre berita sebagai bahan kajian. Misalnya kajian oleh Swales (1990) sendiri adalah terhadap artikel yang terdapat pada kertas penyelidikan akademik. Kajian genre oleh Azirah (1996) adalah berdasarkan artikel perubatan yang juga merupakan genre akademik. Walau bagaimanapun, Bhatia (1993) telah menjalankan kajian secara ringkas terhadap struktur laporan berita surat khabar dengan menggunakan pendekatan : penyelesaian → situasi → masalah → penilaian. Pendekatan ini adalah berbeza daripada pendekatan Swales yang menggunakan analisis gerakan atau *move*. Oleh itu, memandangkan tidak adanya kajian yang dilakukan terhadap genre bidang kewartawanan dengan menggunakan pendekatan Swales, oleh itu pengkaji telah mencipta gerakan sendiri berdasarkan teori Swales dan menggabungkannya dengan

teori kewartawanan oleh Newsom dan Wollert (1988). Gerakan yang terhasil itu telah diubah suai untuk disesuaikan dengan bahan kajian. Misalnya, Newsom dan Wollert tidak memberikan unsur **tajuk berita** sebagai kriteria yang perlu ada pada kebanyakan berita, tetapi penulis mendapati unsur ini terdapat pada kesemua berita yang dikaji, oleh itu pengkaji telah memasukkannya sebagai Gerakan 1 pada organisasi teks yang dikaji menjadikannya sebagai lapan (8) unsur kesemuanya.

Hasil daripada analisis yang dilakukan terhadap korpus, pengkaji telah membentuk lapan (8) gerakan atau langkah, bagi menggambarkan struktur organisasi teks berita politik. Setiap langkah tersebut dapat dinyatakan dalam bentuk struktur skematik atau gerakan dan mempunyai fungsi-fungsi tertentu seperti dapat dilihat dalam Jadual 4.1, di bawah. Terma struktur skematik bermaksud peringkat, yakni langkah demi langkah dalam membentuk organisasi sesuatu genre.

Jadual 4.1 : Gerakan dan Fungsi Wacana

GERAKAN	FUNGSI WACANA
1	Memberi tajuk berita
2	Menyatakan pendulu berita
3	Memperkenalkan fakta sekunder dalam peralihan terikat
4	Memberi huraian lanjut fakta utama
5	Memberi sokongan
6	Memberi latar belakang
7	Memperkembang fakta utama
8	Menyatakan butiran terperinci

4.1.1 Gerakan 1 : Memberi Tajuk Berita

Gerakan pertama ditandai dengan **memberi tajuk berita**. Tajuk berita ini juga dapat memenuhi tafsiran berita mengikut kamus surat khabar iaitu “laporan mengenai sesuatu kejadian yang baru berlaku atau mengenai sesuatu hal yang belum diketahui sebelumnya”, (Mustafa, 1986: 34). Dalam profesi kewartawanan, tajuk berita memainkan peranan penting untuk memikat pandangan pembaca. Dengan itu, antara fungsi utama tajuk berita menurut Harriss (1989 : 649) ialah:

1. untuk menarik perhatian pembaca terhadap sesuatu cerita.
2. untuk meringkaskan cerita itu agar pembaca mendapat gambaran sepintas lalu tentang cerita itu, dan
3. untuk menolong pembaca menilai cerita tersebut.

Fungsi 1 dan 2 di atas dapat dilihat dalam contoh berikut:

(1) TU 072

Sah Fauzi letak jawatan – Serah surat berkuat kuasa semalam kepada Setiausaha Politik MB Pahang

Oleh SAMSOR JUNET

KUANTAN 30 Mac - Ketua Umno Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman menyerahkan surat peletakan jawatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pahang kawasan Beserah petang ini - mengesahkan hasratnya semalam untuk berbuat demikian.

Surat berkenaan diserahkan oleh setiausaha, Noor Ferizli Nordin kepada Setiausaha Politik Menteri Besar Pahang, Samsudin Nawawi pada kira-kira pukul 2.30 petang di kediaman Fauzi, di Bandar Indera Mahkota di sini.

Ketika ditemui di rumahnya selepas itu, Fauzi menegaskan, keputusan untuk meletakkan jawatan adalah muktamad.

Bagaimanapun, katanya: "Kecuali UMNO menyiasat dakwaan saya tentang politik wang dan sogokan itu sebagai betul dan setuju dengan saya, saya akan tarik balik."

"Saya mahu parti menyiasat dakwaan saya ini dan tidak mengecap saya sebagai orang yang kecewa," tegasnya.

Malam tadi, Fauzi membuat kejutan apabila mengumumkan hasratnya untuk meletakkan jawatan sebagai ADUN kawasan Beserah.

Keputusan itu dibuatnya selepas mengadakan pertemuan lebih sejam dengan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, di kediaman rasmi di Jalan Teluk Sisek, di sini.

Antara alasan yang diberikan oleh Fauzi ialah kerana merasakan dirinya tidak lagi diperlukan oleh UMNO bahagian itu berikutan trend pencalonan cawangan yang tidak memihak kepadanya.

Tajuk berita di atas, iaitu **Sah Fauzi letak jawatan** sudah pasti dapat menarik perhatian pembaca untuk mengetahui kenyataan tersebut dengan lebih lanjut. Tajuk berita berkenaan juga meringkaskan cerita itu agar pembaca mendapat gambaran sepintas lalu tentang cerita itu dengan tepat dengan memberi kenyataan pengumuman yang dibuat oleh Ketua Umno Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman seperti dapat dilihat dalam perenggan pertama berita di atas.

Gerakan ini, iaitu memberi tajuk berita dapat menarik perhatian pembaca untuk terus membaca kandungan berita tersebut seterusnya, terutama untuk mengetahui sebab-sebab perletakan jawatan tersebut seperti yang dinyatakan dalam para empat (4), lima (5) dan lapan (8) dalam berita berkenaan. Fungsi yang sama juga iaitu untuk menarik perhatian pembaca terdapat dalam analisis yang dijalankan oleh Raja Masittah (2000: 515) terhadap tajuk utama akhbar *Utusan Malaysia*. Selain daripada itu, fungsi ini juga berjaya mencapai tujuan komunikatif genre berita dan dalam konteks ini ia dapat memberi pengetahuan terkini mengenai perkembangan politik negara dan menjelaskan sesuatu isu yang menjadi persoalan kepada rakyat.

Selain itu, fungsi tajuk berita yang kedua iaitu untuk meringkaskan sesuatu berita itu dapat juga dilihat dalam contoh berikut:

(2) TU 050

Umno letak 4 agenda – PM: Penting dibincang dengan Pas demi kepentingan Melayu

Oleh ZULKEFLI HAMZAH, ZULKIFLI JALIL dan ISMAIL DAUD

PUTRAJAYA 8 Mac – Umno hari ini meletakkan empat agenda mengenai kepentingan orang Melayu yang termaktub dalam perlembagaan untuk dibincangkan pada pertemuan Umno-Pas.

Empat agenda itu, ialah mengenai hak keistimewaan orang Melayu, bahasa Melayu, agama Islam sebagai agama rasmi dan status raja-raja Melayu.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perbincangan mengenai perkara itu penting kerana parti-parti yang mewakili orang Melayu sudah tidak mempunyai pendirian yang sama dalam perkara-perkara berkenaan.

Dalam contoh ini, tajuk berita **Umno letak 4 agenda – PM: Penting dibincang dengan Pas demi kepentingan Melayu** merupakan ringkasan kepada berita yang mengandungi kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai perlunya pertemuan perpaduan Umno-Pas direalisasikan. Ringkasan tajuk berita tersebut dapat dilihat pada bahagian pendulu berita dan bahagian berikutnya iaitu pada perenggan dua (2) dan tiga (3) bagi menunjukkan di bahagian mana ringkasan tajuk berita itu dipetik.

Tajuk berita juga mempunyai beberapa tujuan lain seperti yang dinyatakan oleh Schrank (1975: 160). Antaranya ialah untuk memberi kemudahan kepada pembaca akhbar mengetahui perkara-perkara yang berlaku di dunia dalam masa beberapa minit sahaja. Tajuk berita berikut memaparkan berita yang berlaku di negara Thailand.

(3) TB 107

Keputusan pilihan raya Thailand ditangguh

Bangkok, Ahad – Pengumuman keputusan rasmi pilihan raya Thailand ditangguhkan hari ini berikutan terlalu banyak aduan berhubung proses penjumlahan undi, kata pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya (EC) hari ini.

Daripada tajuk berita di atas, pembaca dapat mengetahui peristiwa yang berlaku di Thailand berhubung dengan keputusan pilihan raya negara tersebut. Ini bererti, pembaca di Malaysia dan rakyat Thailand yang berada di Malaysia dapat mengetahui berita pilihan raya di negara tersebut dalam masa yang singkat tanpa perlu berada di Thailand.

Selain daripada itu, gerakan memberikan tajuk berita ini merupakan gerakan utama atau *the central move* memandangkan ia penting bagi setiap genre dan wujud dalam setiap genre berita seperti dinyatakan oleh Kathpalia,

Not all the moves that occur in a particular genre are of equal importance to that genre. Some of the moves are more important functionally to a particular genre and they almost always occur in texts belonging to that genre. These high frequency moves have been referred to as the central moves of a particular genre.

(Kathpalia, 1992: 85)

Dalam struktur wacana berita politik, memberi tajuk berita merupakan gerakan utama dan wajib kerana ia wujud pada setiap wacana berita. Gerakan ini diperlukan oleh pembaca bagi menentukan sama ada berita itu mempunyai nilai atau keperluan untuk dibaca atau pun tidak.

4.1.2 Gerakan 2 : Menyatakan Pendulu Berita

Wartawan memulakan penulisan beritanya dengan menyatakan bahagian yang paling penting atau utama dalam sesuatu berita seperti yang dikatakan oleh Itule dan Anderson (1997: 66) “the lead contained the gist of the story”. Bahagian ini, iaitu **menyatakan pendulu berita** ialah gerakan kedua untuk bahagian permulaan berita. Gerakan ini merupakan gerakan utama kerana seperti juga gerakan pertama, iaitu memberi tajuk berita, gerakan ini wujud pada setiap bahagian permulaan berita.

Bell (1991: 148-149) menyamakan bahagian pendulu berita sebagai abstrak dengan menyatakan “the lead paragraph is the journalist’s primary abstract of a story”. Beliau menyetujui yang bahagian pendulu berita merupakan kategori wajib dalam berita keras (*hard news*), yakni berita surat khabar yang bersangkutan dengan kepentingan khalayak ramai, yang dicetak pada halaman pertama surat khabar.

Gerakan **menyatakan pendulu berita** ini berfungsi memberitahu pembaca tentang kandungan sesuatu berita. Ia juga bertujuan membuat pembaca ingin terus membaca, dan seterusnya menimbulkan modus yang sesuai sekiranya terdapat sesuatu modus (Metz, 1991: 51). Contoh gerakan ini dapat dilihat seperti berikut :

(4) TU 003

Hamid Othman letak jawatan menteri

Oleh SAIFULNIZAM MOHAMAD

PUTRAJAYA 5 Jan. - Datuk Paduka Dr. Abdul Hamid Othman hari ini mengumumkan perletakan jawatannya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pada sidang akhbar di pejabatnya di sini, beliau memberitahu surat perletakan jawatan telah diserahkan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebelum Perdana Menteri berlepas untuk lawatan kerja ke Myanmar, Rabu lepas.

Dalam contoh (4), pembaca dapat mengetahui kandungan berita tersebut, iaitu penyerahan surat perletakan jawatan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Abdul Hamid Othman. Pendulu yang memuatkan berita perletakan jawatan oleh seorang Menteri ini sudah tentu memberi daya tarikan untuk dibaca dan membuatkan pembaca ingin terus mengetahui berita selanjutnya di sebalik perletakan jawatan tersebut.

Perenggan pendulu berita juga menurut Bell (1991: 152) bukan hanya berfungsi meringkaskan sesuatu tindakan utama tetapi bahagian ini juga memusatkan berita kepada satu arah tertentu. Ia bertindak sebagai lensa yang melaluiinya bahagian seterusnya dalam sesuatu berita itu dapat diketahui. Fungsi ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

(5) TB 179

Pas anggap wang ihsan pendidikan royalti

Kuala Terengganu, Isnin - Kerajaan Pas Terengganu tidak menganggap peruntukan yang disalurkan kepada tiga institusi pendidikan di negeri ini sebagai wang ihsan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Negeri, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia Negeri, Mustafa Ali, sebaliknya berkata peruntukan RM40 juta kepada Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (Kusza), Institut Lanjutan Teknikal Terengganu (Tati) dan sekolah menengah agama itu, dianggap royalti.

Bahagian pendulu dalam contoh (5) berfungsi meringkaskan pendapat kerajaan Pas Terengganu terhadap peruntukan wang yang diterima daripada kerajaan Persekutuan. Maklumat yang dinyatakan dalam bahagian ini ialah apa dan siapa. Apa di sini bermaksud pendapat mengenai peruntukan wang yang diberikan kepada kerajaan Pas Terengganu sebagai wang royalti. Siapa pula merujuk kepada Kerajaan Pas Terengganu. Pembaca yang ingin mengetahui berita selanjutnya, perlu membaca perenggan seterusnya. Perenggan pendulu ini hanya merupakan lensa yang mengarahkan pembaca ke arah seterusnya, iaitu ke perenggan berikutnya.

Van Dijk (1985: 87) menganggap pendulu berita ini berfungsi sebagai satu ringkasan kepada wacana berita dan telah meletakkannya bersama-sama dengan tajuk berita pada kategori yang paling tinggi yang dinamakan Ringkasan (*Summary*).

4.1.3 Gerakan 3 : Memperkenalkan Fakta Sekunder Dalam Peralihan Terikat

Pendulu berita menguasai intisari fakta utama tetapi tidak memberi maklumat lengkap tentang fakta tersebut. Gerakan ketiga, iaitu **memperkenalkan fakta sekunder dalam peralihan terikat**, berfungsi memperlengkap maklumat tersebut dengan memberi fakta kedua yang utama. Peralihan terikat dalam konteks ini bermaksud gerakan ini bertindak sebagai penyambung atau pengikat unsur di bahagian pendulu berita dengan unsur di bahagian tubuh berita.

Gerakan ketiga ini diperkenalkan selepas pendulu berita. Kebiasaannya ia dinyatakan dalam satu ayat. Gerakan ini juga merupakan gerakan utama kerana ia wujud dalam setiap genre berita. Sekiranya dalam bahagian pendulu berita hanya diyatakan maklumat apa dan siapa, di bahagian ini akan terdapat maklumat lain yang diperlukan misalnya bila, mengapa, di mana, dan bagaimana yang tidak dinyatakan dalam bahagian pendulu berita.

Gerakan memperkenalkan fakta sekunder dalam peralihan terikat dapat dilihat pada contoh ayat berikut :

(6) TU 060

Pas tentang usaha gugur perkataan ‘Islam’

Oleh YUSRI SAHAT

Pendulu Berita --

KUALA LUMPUR, 18 Mac - Parti Islam Se-Malaysia (Pas) akan menentang sebarang usaha daripada mana-mana pihak yang cuba menggugurkan perkataan “Islam” pada parti tersebut.

Memperkenalkan Fakta Sekunder Dalam Peralihan Terikat --

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata, tentang itu akan dilakukan dengan pelbagai cara sama ada di dalam atau luar Parlimen jika pengguguran nama Islam pada parti politik menjadi dasar kerajaan.

Dalam contoh (6), iaitu dalam bahagian pendulu berita hanya terdapat maklumat siapa (Parti Islam Se-Malaysia (Pas) dan apa (akan menentang sebarang usaha daripada mana-mana pihak yang cuba menggugurkan perkataan “Islam” pada parti tersebut). Maklumat seterusnya, iaitu bagaimana tentang itu akan dilakukan diperjelas dalam gerakan ketiga ini yang terdapat pada perenggan

selepas pendulu berita, iaitu memperkenalkan fakta sekunder dalam peralihan terikat. Fakta yang dinyatakan dalam gerakan ini berfungsi memperlengkap fakta yang diberikan dalam bahagian pendulu. Bahagian ini bertindak sebagai penghubung di antara bahagian pendulu berita dengan bahagian seterusnya dalam tubuh berita.

Contoh seterusnya, menjelaskan fungsi di atas.

(7) TB 154

Pembangkang, laman web disiasat - Pertikai angka rasmi korban pergaduhan

Oleh FAZLI ABDULLAH

Pendulu Berita --

SHAH ALAM, Rabu – Polis hari ini membuat laporan terhadap akhbar Internet, Malaysiakini.com serta dua parti pembangkang kerana menghasut orang ramai dengan mendakwa bilangan mangsa yang terkorban dalam pergaduhan di sekitar Kampung Medan, Jalan Klang Lama, melebihi pengumuman rasmi.

Memperkenalkan Fakta Sekunder Dalam Peralihan Terikat --

Laporan itu dibuat oleh Ketua Polis Selangor, Datuk Nik Ismail Nik Yusoff, di Ibu Pejabat Polis Kontijen negeri di sini. Polis akan menyiasat laporan itu mengikut Akta Hasutan 1948.

Bahagian pendulu berita dalam contoh (7) menyatakan maklumat siapa (polis), apa (membuat laporan terhadap akhbar internet) dan mengapa (menghasut orang ramai dengan mendakwa bilangan mangsa yang terkorban dalam pergaduhan di sekitar Kampung Medan, Jalan Klang Lama, melebihi pengumuman rasmi). Maklumat tersebut tidak lengkap dan perlu diperjelas dengan lebih mendalam dalam perenggan seterusnya, iaitu dalam gerakan ketiga, yang

memperkenalkan fakta utama seterusnya, iaitu siapa sebenarnya yang membuat laporan (Ketua Polis Selangor, Datuk Nik Ismail Nik Yusoff), di mana laporan itu dibuat (Ibu Pejabat Polis Kontijen) dan bagaimana siasatan itu dilakukan (mengikut Akta Hasutan 1948). Siapa dalam gerakan ketiga ini memberikan maklumat lebih terperinci tentang sumber yang membuat laporan iaitu siapa yang dinyatakan secara umum di bahagian pendulu berita.

.. Gerakan ketiga ini jika dibandingkan dengan analisis Gunesekera (1989) dapat disamakan dengan kategori yang dipanggil Perkembangan Peristiwa Utama. Mengikut Gunesekera (1989: 90) “The Straits Times uses this technique to provide details of the Main Event which is summarized in the headlines” .

Gerakan ketiga ini mempunyai persamaan dengan kategori tersebut kerana kedua-duanya berfungsi memperlengkap dan memperkembang fakta yang telah pun diperkenalkan sebelum ini.

4.1.4 Gerakan 4 : Memberi Huraian Lanjut Fakta Utama

Gerakan ini merupakan huraian lanjut kepada gerakan kedua, iaitu menyatakan pendulu berita. Bahagian tubuh berita bermula dengan gerakan keempat ini, iaitu **memberi huraian lanjut fakta utama**. Fungsi gerakan ini ialah memberi huraian tentang insiden, petikan kenyataan seseorang, maksud atau tujuan sesuatu kejadian dan bagaimana sesuatu perkara itu berlaku. Gerakan ini merupakan gerakan utama dan wajib dalam penulisan berita.

Contoh ayat berikut menunjukkan gerakan memberi huraian lanjut fakta utama :

(8) TB 188

Enam bersalah
Guna Politik Wang dalam Pemilihan Umno

Oleh MOHD ZIN ALI

Pendulu Berita --

KUALA LUMPUR: Lembaga Disiplin Umno memutuskan enam pemimpin parti termasuk tiga ketua bahagian, didapati bersalah kerana terbabit dalam penggunaan politik wang pada pemilihan peringkat bahagian, baru-baru ini.

Mereka ialah Ketua Bahagian Gopeng, Mustafa Kamal Mohd Nawi; Ketua Penerangan Bahagian Gopeng, Mohamad Anuar Baharuddin; calon Timbalan Ketua Bahagian Bagan Serai, Zaki Din; Ketua Bahagian Baling, Datuk Zainal Mohd Isa; Ketua Penerangan Bahagian Selayang, Rahmat Abdullah dan Ketua Bahagian Muar, Datuk Abdullah Omar.

Memberi Huraian Lanjut Fakta Utama --

Pengerusinya, Tengku Ahmad Rithauddeen, berkata keenam-enam mereka dijatuhi hukuman termasuk digantung hak bertanding atau dilantik sebarang jawatan dalam parti selama enam tahun dan hilang hak mengundi pada pemilihan parti di semua peringkat sepanjang tempoh itu.

Mereka didapati melakukan kesalahan seperti membawa anggota Umno melawat ke luar negara dan mengadakan lawatan secara rombongan. Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan kesalahan enam anggota itu satu persatu.

Dalam contoh (8), di bahagian pendulu berita dapat diketahui bahawa Lembaga Disiplin Umno memutuskan enam pemimpin parti didapati bersalah kerana terbabit dalam penggunaan politik wang pada pemilihan peringkat bahagian. Huraian lanjut kepada berita ini dinyatakan dalam gerakan keempat, iaitu dengan menyatakan dari sumber mana berita itu diketahui (Pengerusi Lembaga Disiplin Umno), siapa yang memberitahu (Tengku Ahmad Rithauddeen), bentuk hukuman yang dikenakan (digantung hak bertanding atau dilantik sebarang jawatan dalam

parti selama enam tahun dan hilang hak mengundi pada pemilihan parti di semua peringkat sepanjang tempoh itu) dan jenis-jenis kesalahan yang dilakukan (membawa anggota Umno melawat ke luar negara dan mengadakan lawatan secara rombongan). Gerakan keempat ini, dapat memperlengkap fakta atau maklumat yang diberikan di bahagian pendulu berita, yang tidak memberi maklumat secara lengkap.

(9) TU 083

Pakatan sulit reformasi – Polis dedah rancangan cetus demonstrasi militan besar-besaran

Oleh KAMARUZAMAN MOHAMAD dan AZIAN ABD. AZIZ

Pendulu Berita –

KUALA LUMPUR 11 April - Polis hari ini mendedahkan satu kumpulan sulit yang dianggotai oleh lebih 20 orang aktivis reformasi telah diwujudkan bagi mencetuskan demonstrasi jalanan besar-besaran bercorak militan menjelang pilihan raya umum 2004.

Kumpulan tersebut didapati telah mengadakan 12 perjumpaan sulit sejak 6 Januari tahun ini hingga 4 April lalu bagi merealisasikan perancangan mereka itu.

Memberi Huraian Lanjut Fakta Utama –

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai berkata, tindakan yang bercanggah dengan perlombagaan itu adalah sebahagian daripada keputusan yang dibuat oleh aktivis reformasi tersebut pada akhir tahun lalu.

Dalam contoh di atas, didapati di bahagian pendulu berita polis telah mendedahkan wujudnya satu kumpulan sulit yang dianggotai oleh aktivis reformasi yang bertujuan mencetuskan demonstrasi militan. Huraian lanjut terhadap rancangan tersebut dapat dilihat dalam gerakan keempat yang menjelaskan sumber yang mengesahkan pakatan tersebut, siapa yang merancangnya serta bila ia dirancang.

4.1.5 Gerakan 5 : Memberi Sokongan

Sekiranya gerakan kedua, iaitu menyatakan pendulu berita memberi sesuatu dakwaan, berita itu perlu membuktikan dakwaan tersebut. Oleh itu, gerakan kelima ini, iaitu **memberi sokongan** diperlukan untuk memberi bukti-bukti sokongan yang khusus terhadap fakta-fakta yang terdapat di bahagian pendulu berita.

Fungsi menyokong pendulu berita ini kadang-kadang boleh dinyatakan dalam satu ayat yang mudah dan ringkas, seperti satu petikan terus yang mengandungi kesemua sokongan yang diperlukan oleh pendulu berita. Ia juga boleh dinyatakan dalam beberapa perenggan yang mengandungi statistik, contoh atau testimoni pakar.

Daripada analisis terhadap korpus, didapati gerakan ini tidak terdapat pada setiap genre berita. Oleh itu, gerakan ini merupakan gerakan pilihan. Walau bagaimanapun, sebilangan besar korpus itu mengandungi gerakan ini yang dinyatakan dalam satu (1) hingga tiga (3) perenggan. Gerakan ini yang dinamakan *the peripheral move* atau gerakan sampingan oleh Kathpalia, dijelaskan dalam kenyataan berikut:

However, most genres are made up of not only what have been called the central moves of the genre but also a range of other moves of variable importance which can occur in the genre but are not always present in all the instances of a particular genre . These moves, some of which have a higher frequency of occurrence than others have been referred to as peripheral moves.

(Kathpalia, 1992 : 85)

Daripada kenyataan tersebut, didapati walaupun gerakan ini tidak wujud sekerap gerakan utama, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa gerakan ini tidak kurang pentingnya dalam genre berita. Gerakan ini diperlukan pada genre berita untuk menjalankan fungsinya memberi sokongan atau bukti-bukti untuk sesuatu kenyataan dan laporan yang telah dibuat.

Gerakan memberi sokongan dapat dilihat dalam petikan berikut:

(10) TB 190

Kit Siang boleh dikenai tindakan undang-undang: Rais

Oleh ZIAUDDIN SHARUDDIN dan JAMIAH SHUKRI

Pendulu Berita --

SEREMBAN, Jumaat – Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata tindakan undang-undang boleh diambil terhadap Pengerusi DAP, Lim Kit Siang kerana menuduh wartawan Berita Harian tidak layak menjadi warga negara Malaysia.

Memberi Sokongan --

Lim, dalam sidang akhbaranya di lobi Parlimen semalam, menuduh wartawan Berita Harian, Munaarfah Abu Bakar, tidak layak menjadi warga negara kerana bertanyakan motif DAP menimbulkan isu kuota kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Dr. Rais berkata, isu kuota kemasukan pelajar ke IPTA tidak ada kena mengena dengan taraf warga negara seseorang. Malah, beliau menegaskan, hak kewarganegaraan seseorang tidak boleh dilucutkan jika dia lahir di negara ini dan ibu bapanya adalah rakyat Malaysia.

Katanya, tindakan pemimpin parti pembangkang mencemuh wartawan itu menyalahi undang-undang berkaitan Fasal 15 Perlembagaan Persekutuan, iaitu kewarganegaraan dengan cara pendaftaran (isteri dan anak warga negara).

Pendulu berita dalam contoh (10) mengemukakan pernyataan Datuk Dr. Rais Yatim selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa tindakan undang-undang boleh diambil terhadap Pengerusi DAP sebuah parti pembangkang, Lim Kit Siang yang telah membuat tuduhan tidak layak menjadi warga negara Malaysia kepada seorang wartawan. Dalam pendulu tersebut tiga perkara perlu diberi bukti sokongan iaitu pertama tuduhan tersebut menyalahi undang-undang, kedua tempat atau lokasi tuduhan itu dibuat dan ketiga sama ada tuduhan yang berkaitan dengan taraf kewarganegaraan seseorang mempunyai hubung kait dengan soalan yang diajukan oleh wartawan berkenaan.

Bagi memberikan bukti sokongan dalam berita tersebut telah dinyatakan bahawa tuduhan tersebut menyalahi undang-undang apabila dikaitkan dengan Fasal 15 Perlembagaan Persekutuan. Bukti tempat tuduhan itu dibuat dinyatakan dalam perenggan "...Lim, dalam sidang akhbarinya di lobi Parlimen semalam, menuduh wartawan ..." dan sama ada tuduhan tersebut berkaitan dengan taraf kewarganegaraan, diberikan kenyataan Dr. Rais Yatim berkaitan dengan isu ini.

Dalam contoh (11) di bawah seterusnya dapat dilihat sokongan kepada pendulu berita .

(11) TU 070

PM: Pas cuba perdaya Cina -- Sehingga Nik Aziz sanggup temui tauke-tauke di Bukit Pelanduk

Oleh ZULKIFLI JALIL dan MARHAINI KAMARUDDIN

Pendulu Berita --

KUALA LUMPUR 28 Mac – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan kaum Cina supaya tidak terperangkap dengan muslihat Pas yang kini semakin giat mengatur strategi cuba menjuarai isu-isu di kalangan mereka.

Memberi Sokongan --

Dr. Mahathir mendedahkan bagaimana taktik terbaru Pas cuba menjadi jaguh mempertahankan hak kaum Cina sehingga Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sanggup menemui tauke-tauke ladang babi di Bukit Pelandok, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Kunjungan pemimpin Pas itu, katanya, dilakukan semata-mata untuk menunjukkan Pas rapat dengan orang Cina sehingga Nik Abdul Aziz sendiri pergi menemui mereka.

Malah Dr. Mahathir mempersoalkan pemergian Menteri Besar Kelantan itu ke kawasan itu yang tidak pula menjanjikan apa-apa sedangkan parti komponen Barisan Nasional (BN) dari MCA, MIC serta UMNO memahami masalah yang dihadapi tauke ladang babi terbabit.

“Pas berbuat begitu hanya nak meraih undi Cina sahaja. Macam-macam lagi, misalnya Pas Kelantan beri 1,000 ekar (400 hektar) tanah kepada orang Cina untuk membina sekolah Cina.

“Di Terengganu pula, Menteri Besarnya (Abdul Hadi Awang) pelawa orang Cina buka kandang babi,” katanya.

Dalam contoh ini, dapat dilihat bukti-bukti sokongan terhadap muslihat Pas seperti yang dinyatakan dalam bahagian pendulu berita. Bukti-bukti tersebut terdapat pada teks yang dihitamkan dalam bahagian memberi sokongan di atas. Dalam petikan tersebut diberikan kegiatan yang dilakukan oleh Menteri Besar Kelantan dan Terengganu serta Pas Kelantan yang ada kaitan dengan kaum Cina.

4.1.6 Gerakan 6 : Memberi Latar belakang

Gerakan ini bertujuan membantu pembaca memahami latar belakang kepada sesuatu berita. Ini kerana sesetengah pembaca tidak berkesempatan untuk mengikuti sesuatu isu yang berlaku pada hari semalam, minggu lepas atau bulan lepas. Dengan gerakan ini, ia dapat membantu pembaca memahami berita yang

sedang dilaporkan sepenuhnya. Dengan itu, gerakan **memberi latar belakang** perlu diulangi dalam setiap penulisan laporan berita. Ia tidak semestinya diberikan dengan panjang lebar, tetapi boleh diringkaskan untuk memberi latar belakang yang mencukupi.

Oleh itu, gerakan ini perlu bagi pembaca yang tidak berkesempatan untuk mengikuti sesuatu teks berita sejak dari awal lagi, kerana sesuatu teks berita itu, seperti berita politik misalnya, kadang-kadang perlu memberi latar belakang peristiwa terhadap kejadian yang sama yang berlaku pada masa sekarang dan sepuluh tahun dahulu.

Gerakan memberi latar belakang yang terdapat dalam sesuatu wacana berita dapat dilihat dalam contoh-contoh ayat berikut:

(12) TB 120

Samy Vellu pelawa Pandithan masuk MIC

KUALA LUMPUR, Selasa – Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu hari ini membuat tawaran terbuka kepada Presiden Barisan Kemajuan India se-Malaysia (IPF), Datuk M G Pandithan serta pengikutnya kembali menyertai parti itu.

Memberi Latar belakang –

“Walaupun tidak menjadi anggota komponen, Pandithan setia menyokong BN sejak IPF ditubuhkan 11 tahun lalu. MIC mengiktiraf kesetiaannya selama ini dan menjemputnya kembali meneruskan perjuangan bersama parti ini,” katanya.

Pandithan pernah menjadi Naib Presiden MIC tetapi dipecat pada 1 Disember 1988 kerana perbezaan pendapat dan perselisihan faham dengan Samy Vellu.

Beliau mencetuskan kontroversi apabila mengadakan ‘mogok lapar sehingga mati’ dengan membawa sebuah keranda ke ibu pejabat MIC serta berkumpul bersama penyokongnya sebagai membantah tindakan Samy Vellu.

Apabila gagal mencapai penyelesaian; Pandithan menubuhkan IPF pada 1990 tetapi mengumumkan ia tetap menyokong kepemimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan BN.

Usaha, IPF untuk menyertai komponen BN sejak 1995 menemui jalan buntu kerana menurut dakwaan Pandithan sentiasa ditentang oleh MIC. Kemasukan parti baru dalam BN wajib menerima konsensus semua parti komponen.

Dalam contoh di atas, pembaca diberikan latar belakang politik Pandithan bagi menjelaskan mengapa beliau ditawarkan untuk kembali menyertai MIC. Sekiranya tidak diberikan latar belakang tersebut, pembaca tentu tidak akan memahami perkembangan politik tanah air terutama yang berkaitan dengan MIC.

Contoh seterusnya, memberi latar belakang yang diperlukan oleh berita tersebut.

(13) TU 066

Pas pertahan Amanat Hadi -- Fadzil : Bukti kan kandungan ucapannya bercanggah ajaran ugama

Oleh ZULKIFLI JALIL

Pendulu Berita --

KUALA LUMPUR 26 Mac – Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata, parti itu tidak akan menarik balik Amanat Haji Hadi yang dikatakan menjadi punca kejadian mengkafirkhan ahli Umno oleh para penyokong Pas sejak 20 tahun lalu.

Memberi Latar Belakang --

Sehingga kini, Pas belum mengambil daya usaha untuk menarik balik Amanat Haji Hadi, iaitu hukum ciptaan yang dibawa oleh Abdul Hadi ketika berucap di Bangol Peradong, Kuala Terengganu pada 7 April 1981.

Malah, amanat itu dicetak khas oleh Bahagian Penerangan Pas Kelantan bagi menghadapi pilihan raya kecil Selising pada September 1983.

Meskipun Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bermesyuarat di Pekan, Pahang pada 19 Februari 1986 memutuskan amanat itu bercanggah dengan Islam dan prinsip dakwah Islamiah, tiada langkah positif daripada pemimpin tinggi parti itu untuk memansuhkannya.

Dalam contoh ini, pembaca diberi latar belakang kepada Amanat Haji Hadi yang menjadi isu hangat ketika ini. Misalnya, dalam contoh di atas, pembaca diberitahu bila dan di mana amanat itu dikeluarkan. Pembaca juga diberitahu bila amanat itu dikatakan bercanggah dengan ajaran Islam. Sekiranya tidak dipaparkan latar belakang tersebut, sudah tentu pembaca tidak dapat memahami latar belakang peristiwa itu dengan sejelas-jelasnya.

Gerakan memberi latar belakang ini tidak selalu terdapat dalam wacana berita. Oleh itu ia merupakan gerakan pilihan atau sampingan yang memainkan fungsi tertentu apabila diperlukan. Walau bagaimanapun gerakan ini adalah diperlukan kerana tanpa gerakan ini, sudah tentu pengguna genre tersebut tidak dapat memahami sesuatu genre berita dengan sepenuhnya. Hal ini ditegaskan oleh van Dijk (1988) yang menyatakan latar merupakan bahagian berita yang dapat mempengaruhi semantik (makna) yang ingin ditampilkan. Tanpa latar sudah tentu makna keseluruhan isi berita itu tidak dapat difahami oleh pembaca.

4.1.7 Gerakan 7 : Memperkembang Fakta Utama

Gerakan menyatakan pendulu berita, memperkenalkan fakta sekunder dalam peralihan terikat, memberi huraian lanjut fakta utama, memberi sokongan dan memberi latar belakang merupakan gerakan asas kepada penulisan berita. Wacana berita yang lengkap tidak berakhir setakat ini sahaja. Oleh itu, gerakan ketujuh ini, iaitu **memperkembang fakta utama** diperlukan untuk menyatakan kesan yang akan timbul kepada pembaca selepas membaca sesuatu berita itu, akibat yang akan dirasai oleh pembaca daripada laporan berita tersebut dan apa yang akan berlaku

seterusnya. Dengan itu, gerakan ini dapat menjelaskan kepentingan sesuatu berita itu.

Gerakan ini tidak selalu terdapat dalam wacana berita. Oleh itu ia merupakan gerakan pilihan. Hanya wacana berita yang perlu menjelaskan kesan sesuatu berita sahaja yang menggunakan gerakan ini. Walaupun gerakan ini tidak selalu wujud tetapi pada keadaan-keadaan tertentu misalnya bagi mengelak berlakunya rusuhan kaum, bagi menjelaskan sesuatu isu yang sensitif dan sebagainya, ia sangat penting dan diperlukan oleh penulis atau wartawan untuk mencapai tujuan komunikatif sesuatu berita itu.

Contoh-contoh ayat di bawah, menjelaskan gerakan memperkembang fakta utama :

(14) TB 191

Bukan Pilih Kasih – Kaum ketinggalan arus pembangunan perlu bantuan : PM

Oleh OTHMAN MAMAT dan MAGENDRAN RAJAGOPAL

Pendulu Berita –

JOHOR BAHRU : Kerajaan tidak harus dianggap bersikap pilih kasih jika dilihat lebih cenderung membantu dan memberi keistimewaan kepada kaum tertentu di negara ini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Malah, kata Perdana Menteri, jika kerajaan dilihat menolong satu-satu kaum, ia disebabkan kaum berkenaan memerlukan perhatian atau lebih tumpuan daripada kerajaan.

Memperkembang Fakta Utama --

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, kerajaan serius dalam usaha membetulkan kedudukan masyarakat bagi memastikan semua rakyat sama-sama menikmati kemajuan dan kemakmuran negara.

Katanya, kerajaan tidak mahu melihat rakyat negara ini dibahagikan mengikut status sosial dan ekonomi sehingga mewujudkan jurang perbezaan antara kaum.

“Kita tidak boleh membiarkan rakyat yang ketinggalan daripada arus pembangunan terus memperbetulkan nasib mereka sendiri, tanpa seliaan dan bantuan kerajaan.

“Kita perlu mengadakan rancangan-rancangan khusus untuk membawa rakyat yang terpinggir keluar daripada kemelut kehidupan mereka yang buruk,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, dasar kerajaan ialah memastikan tidak ada kaum di negara ini ketinggalan berbanding kaum lain dalam arus pembangunan sosioekonomi dan kemajuan negara.

Katanya, kedudukan ekonomi tidak seimbang antara kaum, terutama sosial dan ekonomi, akan mencetuskan pergeseran atau pertelingkahan.

Gerakan memperkembang fakta utama dalam contoh (14) di atas, memperlihatkan kesan-kesan yang mungkin timbul sekiranya kerajaan tidak memberi bantuan kepada sesuatu kaum di negara ini. Pembaca diberitahu akibat yang akan berlaku sekiranya tindakan itu tidak diambil, misalnya akan terdapat pembahagian kaum dari segi sosial dan ekonomi, kehidupan kaum tersebut akan menjadi buruk dan ketinggalan di belakang serta akibat seterusnya akan mencetuskan pergeseran di antara kaum. Kesan seterusnya ialah pembaca akan memahami sebab sebenar tindakan kerajaan itu dan tidak akan menganggap kerajaan bersikap pilih kasih terhadap kaum tertentu.

Contoh seterusnya, memaparkan gerakan yang sama.

(15) TU 031

PM: Generasi muda perlu pupuk semangat patriotisme

Oleh AMIR SARIFUDIN

Pendulu Berita --

SHAH ALAM 18 Feb. – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan generasi muda yang bakal mengambil alih kepimpinan generasi lama supaya terus memupuk semangat patriotisme bagi menghadapi ancaman budaya luar.

Memperkembang Fakta Utama --

“Tanpa semangat patriotisme, kemungkinan negara ini satu hari nanti tidak akan wujud lagi dan hanya menjadi satu daerah yang kecil dalam dunia,” katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM) di Stadium Malawati di sini hari ini.

Apabila ini berlaku kata Dr. Mahathir, sukar bagi rakyat mempunyai semangat patriotisme terhadap negara kerana negara tidak wujud lagi.

Menurutnya, cabaran yang datang pada alaf baru ini amat merunsingkan kerana terdapat unsur-unsur tekanan daripada yang kuat terhadap yang lemah.

Sehubungan itu katanya, generasi muda perlu mempunyai semangat cinta kasih yang kekal dan kental kepada negara selain bersemangat setia pada negara.

Dr. Mahathir berkata, jika semangat patriotisme tidak dipupuk di kalangan generasi muda, negara tidak akan dapat dipertahankan dari serangan budaya luar.

Beliau berkata, melalui semangat patriotisme dan membangunkan budaya, rakyat dapat memperkuat dan memperkuuhkan benteng moral yang mulia.

“Ini untuk menangkis segala hasutan dan pengaruh dengan kita menerima yang baik sahaja daripada luar.

Kesan yang ditimbulkan dalam contoh (15) ialah pembaca terutamanya daripada generasi muda akan memahami mengapa semangat patriotisme perlu dipupuk di kalangan mereka. Dengan itu mereka akan menyokong dan mengamalkan semangat patriotisme bagi membina sebuah negara yang kukuh dan tidak mudah diancam oleh budaya luar. Inilah fungsi yang dimainkan oleh akhbar bagi menyedarkan rakyat.

4.1.8 Gerakan 8 : Menyatakan Butiran Terperinci

Gerakan kelapan ialah menyatakan butiran terperinci. Dalam wacana berita, butiran terperinci merupakan fakta subsidiari terhadap fakta utama yang terdapat dalam gerakan kedua iaitu menyatakan pendulu berita.

Gerakan ini berperanan untuk menghuraikan bahagian pendulu berita dengan lebih lanjut. Walaupun gerakan ini merupakan gerakan terakhir tetapi ini tidak bermakna gerakan ini perlu ditempatkan di bahagian akhir sekali sesuatu wacana berita. Gerakan ini boleh diletakkan di bahagian mana sahaja bergantung pada kepentingannya. Sebagai contoh, butiran terperinci yang sangat penting akan diperkenalkan sebaik sahaja selepas bahagian pendulu berita, dan akan dinyatakan lagi kemudiannya iaitu sebelum bahagian pendulu berita itu diperkembang. Butiran terperinci yang kurang penting boleh dinyatakan selepas bahagian memperkembang fakta utama.

Hasil daripada analisis data wacana berita politik, didapati gerakan ini diletakkan di bahagian pertengahan (tubuh berita) dan juga di bahagian akhir (penutup). Penempatan gerakan ini bergantung pada kepentingan gerakan tersebut. Di bahagian pertengahan, selalunya gerakan ini terdapat selepas gerakan memberi huraian lanjut fakta utama, memberi sokongan dan memberi latar belakang. Gerakan yang diletakkan di bahagian ini, dinyatakan di antara satu (1) hingga empat (4) perenggan sahaja.

Pada keseluruhannya, gerakan menyatakan butiran terperinci ini digunakan dengan meluasnya di bahagian akhir wacana berita. Ia dinyatakan dalam satu (1) hingga melebihi 10 perenggan, bergantung pada panjang-pendek sesuatu berita itu. Gerakan ini merupakan gerakan utama dan wajib dalam pembentukan struktur wacana berita. Gerakan menyatakan butiran terperinci boleh dilihat dalam contoh berikut :

(16) TU 073

Tian Chua akui taklimat kepada diplomat asing

Oleh NIZAM YATIM

KUALA LUMPUR 30 Mac – Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Tian Chua mengesahkan bahawa presiden parti itu, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail telah menyampaikan taklimat kepada diplomat asing, semalam.

Menyatakan Butiran Terperinci --

Taklimat selama hampir dua jam itu diadakan di sebuah hotel di Petaling Jaya, dekat sini.

Tian Chua menjelaskan, majlis itu bukan anjuran Keadilan atau Kempen Bebaskan Anwar (FAC) sebaliknya adalah inisiatif peribadi Dr. Wan Azizah.

“Pertemuan itu bukan sulit walaupun ia bersifat tertutup dan atas jemputan,” ujarnya.

Tambahnya, jemputan itu telah dibuat kepada wakil dari pelbagai organisasi termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Beliau menegaskan bahawa pemimpin-pemimpin Barisan Alternatif yang lain tidak terlibat langsung dengan majlis taklimat itu.

Dalam contoh (16) di atas, dapat dilihat lima (5) perenggan yang menyatakan butiran terperinci yang terdapat pada teks berita T 073. Dalam contoh tersebut, butiran terperinci yang dinyatakan adalah berkaitan dengan taklimat yang disampaikan oleh Datin Seri Dr. Wan Azizah kepada diplomat asing.

(17) TB 128

Hasutan : Marina didapati bersalah

Pendulu Berita --

BUTTERWORTH, Jumaat – Bekas Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Marina Yusoff hari ini dihukum denda RM5,000 atau lima bulan penjara selepas didapati bersalah menyebut kata-kata menghasut mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Hasutan 1948.

Menyatakan Butiran Terperinci --

Marina didakwa menyebut kata-kata menghasut di Chang Hua Kor Moral Uplifting Society Hall di Jalan Tanah Liat antara jam 9.41 malam dan 10.08 malam pada 29 September 1999.

Dia dituduh menyebut kata-kata menghasut iaitu : “Saya nak ingat orang Melayu, orang Cina, orang India, punca 13 Mei, puncanya ialah Umno, Umno yang mula membunuh orang Cina kerana Umno di Selangor sudah kalah. Pembunuhan orang Cina dimulakan oleh Umno, masa itu dirancang pemimpin-pemimpin Umno dan Selangor diketuai Datuk Harun. Jadi orang Cina jangan ingat dia sokong Barisan itu bagus kerana dulu orang Umno dalam Barisan yang membunuh orang Cina.”

Dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum menurut Seksyen 4 (1) Akta yang sama dan jika sabit kesalahan, boleh didenda maksimum RM5,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Contoh (17) memberi butiran terperinci yang berhubung dengan hasutan yang dilakukan oleh Marina Yusoff. Butiran terperinci dalam teks berita di atas adalah tempat, masa dan tarikh hasutan itu dibuat. Perenggan seterusnya memberikan perincian kata-kata hasutan tersebut dan akta yang berkaitan dengan kesalahan berkenaan.

4.2

RUMUSAN DAN MODEL STRUKTUR GENRE BERITA

Daripada analisis genre yang telah dilakukan terhadap wacana berita politik yang terdapat dalam akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*, dapat

disimpulkan bahawa struktur genre berita politik terbentuk daripada lapan (8) gerakan. Daripada kelapan gerakan tersebut, didapati gerakan 1, 2, 3, 4, dan 8 merupakan gerakan utama dan wajib manakala gerakan 5, 6, dan 7 merupakan gerakan sampingan dan pilihan. Walau bagaimanapun, tidak semua teks berita yang dikaji mempunyai struktur seperti di atas yakni yang bermula dengan gerakan 1 dan berakhir dengan gerakan 8. Terdapat kekecualian terhadap struktur berkenaan, yakni terdapat beberapa kelainan dalam kedudukan gerakan-gerakan tersebut.

Kehadiran kelapan gerakan tersebut dapat digambarkan dalam Jadual 4.2 di bawah:

Jadual 4.2 : Kehadiran Gerakan Dalam Wacana

GERAKAN	FUNGSI WACANA	KEHADIRAN
1	Memberi tajuk berita	Gerakan utama dan wajib
2	Menyatakan pendulu berita	Gerakan utama dan wajib
3	Memperkenalkan fakta sekunder dalam peralihan terikat	Gerakan utama dan wajib
4	Memberi huraian lanjut fakta utama	Gerakan utama dan wajib
5	Memberi sokongan	Gerakan sampingan dan pilihan
6	Memberi latar belakang	Gerakan sampingan dan pilihan
7	Memperkembang fakta utama	Gerakan sampingan dan pilihan
8	Menyatakan butiran terperinci	Gerakan utama dan wajib

Gerakan 1 selalunya diletakkan di bahagian atas sekali, iaitu di bahagian menyatakan tajuk berita. Gerakan 2 juga tetap berada di bahagian permulaan berita, iaitu selepas gerakan 1. Gerakan 3 dan 4 berada selepas gerakan 2. Kekecualian yang terdapat ialah pada gerakan 5, 6, 7 dan 8. Hasil kajian mendapati gerakan 5, 6, 7 dan 8 kerap bertukar kedudukannya, bergantung kepada tujuan yang hendak disampaikan oleh wartawan dan penekanan yang hendak diberikan kepada sesuatu berita itu.

Gerakan 5 (memberi sokongan kepada pendulu berita) selalunya berada pada kedudukan selepas gerakan 4. Walau bagaimanapun, gerakan ini kadang kala terdapat selepas gerakan 8 (menyatakan butiran terperinci), iaitu untuk berfungsi sebagai penyokong kepada fakta-fakta yang diberikan sebelum gerakan 5.

Contoh kedudukan gerakan 5 yang terdapat pada akhir teks dapat dilihat seperti di bawah:

(18) TB163

Fauzi akan letak jawatan Adun Beserah (Gerakan 1)

Pendulu Berita --

KUANTAN, Khamis – Ketua Umno Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman mengesahkan beliau akan meletakkan jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah, esok. (Gerakan 2)

Beliau memberikan alasan sebahagian besar cawangan Umno di Beserah tidak mencalonkannya bagi mempertahankan jawatan ketua bahagian, sebagai asas mengambil tindakan itu. (Gerakan 3)

“Saya akan menyerahkan surat perletakan jawatan itu kepada Pengurus Badan Perhubungan Umno negeri yang juga Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berserta sebab saya mengambil keputusan ini,” katanya pada sidang akhbar di sini, malam ini. (Gerakan 4)

Setakat ini, Fauzi menerima sembilan pencalonan berbanding pencabarnya, Naib Ketua bahagian, Datuk Faisal Abdullah (29) dan Timbalan Ketua, Datuk Wan Adnan Wan Mamat (20). (Gerakan 8)

“Saya berpegang kepada prinsip saya naik melalui Umno dan Umnolah menentukan kedudukan saya,” katanya. (Gerakan 8)

Sidang akhbar itu diadakan di kediaman rasmi Menteri Besar, sejurus selepas beliau menemui Adnan selama kira-kira sejam. (Gerakan 8)

Fauzi, bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, apabila majoriti cawangan di bahagian itu tidak lagi mencalonkannya sebagai ketua bahagian, ia bermakna ada penolakan oleh Umno Beserah atau cawangan di kawasan itu terhadapnya. (Gerakan 5)

“Mereka nampaknya tidak merestui apa yang saya buat di kawasan saya serta menolak perkhidmatan saya atau apa yang saya lakukan,” katanya. (Gerakan 5)

Daripada contoh (18) ini, didapati dalam perenggan satu (1) terdapat pendulu berita yang memuatkan pengesahan perletakan jawatan Adun Beserah oleh Datuk Fauzi Abdul Rahman. Perenggan tiga (3) dan lima (5) mengandungi butiran terperinci berhubung dengan pendirian Datuk Fauzi Abdul Rahman tersebut. Dalam perenggan tujuh (7) dan lapan (8), dimuatkan gerakan memberi sokongan (Gerakan 5) kepada gerakan pendulu berita, iaitu dengan menyatakan sebab-sebab beliau hendak meletakkan jawatan.

Sekiranya salah satu tujuan berita tersebut ialah untuk memberi latar belakang bagi mengukuhkan sesuatu kenyataan yang terdapat di dalam gerakan 2, oleh itu gerakan 6 (memberi latar belakang kepada sesuatu berita) akan diletakkan sesudah gerakan 4. Ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

(19) TU 100

Badarudin aktivis ke-10 ditahan di bawah ISA

Oleh SHAHRIL A. KADIR

KUALA LUMPUR 26 April – Seorang aktivis Suara Rakyat Malaysia (Suaram), Badaruddin Ismail ditangkap mengikut Seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Medan Selera Jalan Negara, Taman Melawati di sini, hari ini. (Gerakan 2)

Penangkapan ke atas Badaruddin itu menjadikan jumlah mereka yang ditangkap di bawah akta itu meningkat kepada 10 orang. (Gerakan 3)

“Dia ditahan kira-kira pukul 8.50 pagi,” menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Bahagian Perhubungan Awam Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di sini hari ini. (Gerakan 4)

Sebelum ini, polis telah menangkap sembilan orang aktivis reformasi yang kebanyakannya pemimpin Parti Keadilan Nasional (Keadilan). (Gerakan 6)

Dalam contoh (19) ini, dalam perenggan satu (1) dinyatakan gerakan 2 (menyatakan pendulu berita) dan diikuti oleh gerakan 3 dan 4. Latar belakang kepada gerakan 2, 3 dan 4 ini dinyatakan dalam gerakan 6 dengan memberi latar belakang kepada penangkapan aktivis reformasi sebelum ini dan juga latar belakang Suaram.

Sementara itu, gerakan 7 (memperkembang fakta utama untuk menunjukkan kesan) pula akan dinyatakan selepas sahaja gerakan 4 bagi memperlihatkan kesan daripada sesuatu perkara itu dengan seberapa segera. Keadaan ini dapat dilihat dalam contoh berikut :

(20) TU 063

Pas perlu tolak Amanat Hadi – Buat secara rasmi sebagai tanda ikhlas tidak pernah kafirkan ahli Umno - Najib

Oleh YUSWANDI YUNUS

PEKAN 25 Mac – Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak meminta Pas menolak secara rasmi Amanat Haji Hadi yang menurutnya punca kepada kejadian mengkafirkan ahli Umno oleh pengikut parti tersebut. (Gerakan 2)

Beliau yang membuat seruan ini ekoran keputusan majlis Raja-Raja yang melarang parti politik menyelewengkan akidah umat Islam berkata, penolakan secara rasmi itu adalah penting bagi menunjukkan keikhlasan parti itu. (Gerakan 3)

“Pas perlu menunjukkan keikhlasan bahawa mereka tidak pernah mengkafirkan Umno dengan mengeluarkan kenyataan rasmi menolak amanat tersebut,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan mesyuarat Umno cawangan Pekan Lama di sini, hari ini. (Gerakan 4)

Beliau berkata, amanat berkenaan secara tidak langsung telah membawa banyak masalah di dalam masyarakat Islam seperti isu kafir mengkafir, sembahyang dua imam, pemulauan majlis keraian tertentu dan perpecahan masyarakat Melayu sekarang. (Gerakan 7)

Dalam contoh (20) ini, kesan daripada Amanat Haji Hadi yang mengakibatkan banyak masalah timbul di dalam masyarakat Islam dinyatakan dalam gerakan 7 dengan disertakan contoh kesan tersebut. Hasilnya pembaca akan dapat berfikir sama ada amanat tersebut mendatangkan kebaikan atau keburukan kepada umat Islam.

Gerakan yang terakhir, iaitu gerakan 8 juga terdapat selepas gerakan 4. Gerakan ini terdapat pada kedudukan tersebut, sekiranya sesuatu berita itu banyak memuatkan butiran terperinci bagi menjelaskan maksud berita tersebut.

Contoh kedudukan gerakan 8 adalah seperti berikut :

(21) TB 139

Umno kaji syarat Pas (Gerakan1)

Oleh ZULKOFLI JAMALUDIN

PUTRAJAYA, Isnin – Biro Politik Umno hari ini mengarahkan jawatankuasa teknikalnya mengkaji semua syarat Pas bagi pertemuan perpaduan Melayu, yang membabitkan dasar kerajaan. (Gerakan 2)

Bagaimanapun, mesyuarat itu, yang dipengerusikan Presiden Umno, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di Sri Perdana, di sini petang ini, mahu jawatankuasa teknikalnya meneruskan perbincangan dengan jawatankuasa teknikal Pas. Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata syarat Pas itu perlu dikaji kerana ia membabitkan dasar kerajaan sedangkan perbincangan perpaduan Melayu yang dicadangkan adalah antara Umno dengan Pas, bukan antara Pas dan kerajaan. (Gerakan 3)

“Yang berbincang dengan Pas adalah Umno, iaitu antara parti, manakala perkara yang dibangkitkan Pas berkaitan soal kerajaan. (Gerakan 4)

“Umno adalah parti dalam kerajaan Barisan Nasional (BN) dan kita kena berunding juga dengan parti komponen,” katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu. (Gerakan 8)

Mesyuarat lebih dua jam itu turut dihadiri Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tiga Naib Presiden – Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib – serta Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein. (Gerakan 8)

Beberapa pemimpin Badan Perhubungan Umno negeri turut hadir, termasuk Tan Sri Mohd Isa Samad, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Seri Osu Sukam, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Datuk Idris Jusoh. (Gerakan 8)

Dalam contoh ini, selepas gerakan 4, dapat dilihat gerakan 8 yang memberikan butiran terperinci berhubung dengan perpaduan Melayu. Butiran terperinci ini mengandungi butiran mengenai Umno dan mesyuarat yang telah dilangsungkan itu.

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa kekecualian yang terdapat pada struktur genre berita politik, ialah selain daripada mengandungi gerakan 1, 2, 3, 4 dan selepas itu boleh terdiri daripada gerakan 5 atau 6 atau 7 atau 8 dan selepas gerakan-gerakan yang bertukar ganti ini ia boleh pula diikuti oleh gerakan-gerakan lain; misalnya selepas gerakan 5, boleh diikuti oleh gerakan 8 atau pun selepas gerakan 8 boleh diikuti oleh gerakan 7.

Daripadauraian terhadap gerakan dalam genre berita yang dikaji di atas, pengkaji telah membentuk satu model bagi menentukan struktur genre wacana berita. Model yang dibentuk ini adalah berdasarkan kehadiran gerakan dalam wacana berita berkenaan iaitu dari segi kekerapan kehadirannya, wajib, pilihan dan urutan gerakan tersebut. Dalam membentuk model ini, pengkaji telah menggunakan acuan atau contoh yang digunakan oleh Azirah (1996) dalam kajiannya terhadap pemilihan ayat dan organisasi teks dalam artikel penyelidikan perubatan dengan

beberapa penyesuaian. Dalam kajiannya, Azirah telah membentuk model untuk setiap bahagian iaitu abstrak, pendahuluan, kaedah, dapatan dan perbincangan. Misalnya, untuk bahagian Abstrak artikel penyelidikan, Azirah telah membentuk model seperti berikut :

/ (Gerakan 1) / (Gerakan 2) { / (Gerakan 3) / }* {Gerakan 4}* (Gerakan 5)

Setiap tanda di atas seperti / () { } dan * mempunyai pengertian tertentu dan diterangkan dalam kajian Azirah.

Dalam kajian ini, model untuk struktur wacana berita adalah seperti berikut :

[Gerakan 1] * [Gerakan 2] * [Gerakan 3] * [Gerakan 4] * / (Gerakan 5) /

/(Gerakan 6) / (Gerakan 7) / [Gerakan 8] /

Model di atas perlu dibaca seperti berikut:

Kunci : [] menunjukkan wajib

() menunjukkan pilihan

* menunjukkan kedudukan gerakan yang tetap

/ / menunjukkan kedudukan gerakan yang boleh bertukar tempat

Berdasarkan kunci di atas, didapati bahawa Gerakan 1, 2, 3 dan 4 adalah wajib atau utama dan kedudukannya adalah tetap iaitu mesti dimulai dengan Gerakan 1 dan kemudian diikuti oleh Gerakan 2, 3 dan 4. Gerakan 5, 6 dan 7 pula

adalah pilihan atau sampingan yakni kehadirannya tidak diwajibkan bergantung kepada keperluan sesebuah berita itu. Kedudukan gerakan tersebut juga tidak tetap yakni ia boleh bertukar kedudukannya misalnya gerakan 7 boleh mendahului gerakan 6 dan 5 bergantung kepada tujuan pemberita menulis berita tersebut. Gerakan 8 walaupun merupakan gerakan wajib tetapi kedudukannya tidak tetap seperti gerakan wajib yang lain (gerakan 1, 2, 3 dan 4) kerana bergantung kepada tujuan penulisan sesuatu berita itu.

Rumusan yang dapat diambil daripada perbincangan di atas ialah model struktur wacana berita politik boleh terbentuk daripada beberapa gerakan sahaja, misalnya lima (5) gerakan (gerakan 1, 2, 3, 4 dan 8) atau lapan (8) gerakan (kesemua gerakan 1 hingga 8) atau sebagainya bergantung kepada tujuan yang hendak disampaikan oleh penulis. Daripada model ini, seseorang wartawan dapat menjadikannya sebagai panduan untuk menulis sesuatu teks berita atau pun apabila membentuk struktur wacana berita.

4.3 KESIMPULAN

Analisis struktur organisasi wacana di atas dimulakan dengan menentukan gerakan yang digunakan oleh wartawan untuk menulis laporan wacana berita politik dan seterusnya mengkaji fungsi yang dimainkan oleh gerakan tersebut dalam membentuk struktur wacana.

Analisis ini mengaplikasikan teori kewartawanan dari segi penulisan struktur berita yang dikemukakan oleh Newsom dan Wollert bagi menentukan unsur-unsur gerakan supaya dapat diaplikasikan dalam Model Swales yang merupakan model analisis genre ini.

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat lapan (8) gerakan yang digunakan bagi membentuk struktur organisasi wacana berita politik. Daripada kelapan gerakan tersebut, gerakan 1,2,3,4, dan 8 merupakan gerakan utama dan wajib ada dalam struktur wacana berita, manakala gerakan 5,6 dan 7 merupakan gerakan sampingan dan pilihan. Kajian ini juga mendapati kedudukan gerakan tersebut tidaklah tetap (kecuali gerakan 1 hingga 4), yakni perlu bermula dengan gerakan 1 dan berakhir dengan gerakan 8. Terdapat beberapa kekecualian terhadap struktur berkenaan bergantung kepada tujuan komunikatif yang hendak disampaikan oleh wartawan.

Pada akhir analisis, pengkaji telah membentuk satu model bagi menentukan struktur organisasi wacana berita politik dan model ini boleh digunakan sebagai panduan untuk menulis sesuatu laporan berita atau untuk membentuk struktur wacana berita berdasarkan pendekatan genre.

Dalam bab ini telah dibincang analisis yang dijalankan terhadap struktur wacana berita politik. Setiap gerakan yang digunakan bagi membentuk struktur genre wacana berita telah diberiuraian terperinci dengan memberi penekanan kepada fungsi yang dimainkan oleh gerakan tersebut. Dalam bab berikutnya akan dibincang dua alat kohesif iaitu item rujukan dan kata hubung yang digunakan bagi mewujudkan kohesi dalam wacana berita.